



SOALAN LAZIM

BANTUAN KELUARGA MALAYSIA (BKM) 2022

A. PERMOHONAN BAHARU

1. Bilakah pendaftaran BKM 2022 akan dibuka?

Pendaftaran BKM 2022 bermula pada 01 Januari 2022 hingga 31 Januari 2022 (tertakluk kepada perubahan).

2. Siapakah yang perlu membuat Permohonan Baharu BKM 2022?

Pemohon yang perlu membuat Permohonan BKM 2022 adalah seperti berikut:

- i. Pemohon yang tiada rekod dalam sistem BKM atau tidak menerima Bantuan Prihatin Rakyat (BPR) 2021 atau Bantuan Khas COVID-19 (BKC); serta
- ii. Berpendapatan isi rumah RM5,000 dan ke bawah; atau
- iii. Berpendapatan RM2,500 dan ke bawah untuk individu Bujang / tiada pasangan / tiada anak yang menepati syarat kelayakan.

3. Bagaimanakah cara untuk saya membuat Permohonan BKM 2022?

Anda boleh membuat Permohonan BKM 2022 seperti berikut:

i. Permohonan Secara Dalam Talian

Permohonan BKM 2022 boleh dibuat di:

- a. Portal Rasmi BKM LHDNM, <https://bkm.hasil.gov.my>; atau
- b. Aplikasi Bantuan Keluarga Malaysia (BKM) dengan memuat turun di Play Store / App Store pada telefon bimbit

ii. Permohonan Melalui Borang

Borang Permohonan BKM 2022 (BK-01) boleh didapati secara percuma di:

- a. Portal Rasmi BKM LHDNM; atau
- b. Cawangan LHDNM / Pusat Satelit (PS) / Pusat Khidmat Hasil (PKH) LHDNM / Pusat Transformasi Bandar (UTC) LHDNM

4. Di manakah saya boleh menghantar Borang BKM 2022 yang telah lengkap diisi?

Anda boleh menghantar Borang BKM 2022 di kaunter-kaunter berikut:

- i. Cawangan LHDNM / Pusat Satelit (PS) / Pusat Khidmat Hasil (PKH) LHDNM / Pusat Transformasi Bandar (UTC) LHDNM; atau
- ii. Pejabat Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPP); atau
- iii. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK); atau
- iv. Pejabat Daerah / Pejabat Residen

Atau penghantaran secara Pos ke alamat seperti berikut:

Peti Surat BKM
GPO Shah Alam
40800 Selangor

Penghantaran **secara faks dan e-mel** adalah tidak diterima.

5. Apakah dokumen yang perlu dikemukakan semasa membuat permohonan BKM 2022?

Salinan dokumen sokongan pemohon / pasangan / anak (jika berkaitan) yang perlu dikemukakan adalah seperti berikut:

i. Pemohon:

- a. Salinan Sijil Perkahwinan yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Negeri / JPN; atau
- b. Salinan Sijil Kematian pasangan yang dikeluarkan oleh JPN; atau
- c. Sijil Perceraian (asal dan salinan) yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Negeri / JPN; atau
- d. Salinan Sijil Dekri Nisi / Dekri Nisi Mutlak yang dikeluarkan oleh Mahkamah
- e. Salinan Kad OKU yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)

ii. Pasangan:

- a. Salinan pengenalan Pasangan (MyKad / MyPR / MyKAS); atau
- b. Salinan Pasport / Visa / UNHCR / Pas Sempadan

iii. Anak:

- a. Anak Kandung
 - Salinan MyKad / MyKid; dan
 - Salinan Sijil Lahir
- b. Anak Angkat
 - Salinan MyKad / MyKid; dan
 - Salinan Sijil Daftar Anak Angkat yang dikeluarkan oleh JPN

Borang Serahan Dokumen Sokongan BKM 2022 (BK-04) perlu diisi semasa mengemukakan dokumen sokongan berkenaan ke LHDNM **ATAU** boleh memuatnaik ke sistem BKM semasa permohonan secara dalam talian.

6. Permohonan secara dalam talian memerlukan saya mengisi maklumat akaun bank. Jika saya tidak mempunyai maklumat akaun bank, bagaimanakah saya perlu menghantar Permohonan BKM 2022?

Anda boleh menghantar permohonan BKM 2022 secara dalam talian dengan membuat pilihan tiada maklumat akaun bank. Walau bagaimanapun, anda disarankan untuk mengisi maklumat akaun bank anda bagi membolehkan pembayaran BKM 2022 dibuat dengan mudah dan cepat tanpa perlu hadir ke Kaunter BSN.

7. Permohonan secara dalam talian memerlukan saya mengisi maklumat alamat e-mel. Apakah kegunaan alamat e-mel berkenaan?

Anda perlu mendaftarkan alamat e-mel yang sah semasa permohonan BKM 2022 kerana alamat e-mel berkenaan akan digunakan untuk situasi berikut:

- i. Set semula akaun BKM disebabkan terlupa soalan keselamatan semasa log masuk
- ii. Penyampaian makluman BKM 2022

8. Saya telah menghantar permohonan BKM 2022 secara dalam talian. Walau bagaimanapun terdapat mesej peringatan yang memaklumkan supaya memuatnaik dokumen sokongan atau menghantar ke cawangan LHDNM. Bagaimanakah cara untuk saya kemukakan dokumen sokongan berkenaan ke cawangan LHDNM?

Anda digalakkan untuk memuatnaik dokumen sokongan yang diperlukan ke Portal Rasmi BKM semasa permohonan.

Sekiranya anda ingin menghantar ke Cawangan LHDNM, anda perlu mengemukakan dokumen sokongan yang diperlukan dengan mengisi Borang Serahan Dokumen Sokongan BKM 2022 (BK-04) yang diperolehi di Cawangan LHDNM atau dimuat turun dari Portal Rasmi BKM.

Pastikan anda mendapat keratan Akuan Penerimaan Penyerahan dokumen berkenaan sebagai rekod penyerahan. Penghantaran secara faks dan e-mel adalah tidak diterima.

9. Saya telah menghantar permohonan BKM 2022. Sekiranya ada perubahan maklumat, adakah saya masih boleh membuat kemas kini permohonan?

Ya. Kemas kini maklumat boleh dibuat sebelum tarikh tutup permohonan BKM 2022.

10. Saya telah menghantar Borang Permohonan BKM 2022 ke cawangan LHDNM. Adakah saya boleh mengemas kini semula permohonan secara dalam talian?

Tidak. Kemas Kini secara dalam talian tidak dibenarkan sekiranya Permohonan Baharu / Kemas Kini yang dihantar ke Cawangan / PS / PKH / UTC LHDNM tersebut telah diproses oleh LHDNM.

Oleh itu, sebarang kemas kini permohonan BKM 2022 selanjutnya perlu dikemukakan ke cawangan / PS / PKH / UTC LHDNM dengan mengisi Borang Permohonan BKM 2022 (BK-01) semula.

11. Saya telah membuat permohonan BKM 2022 secara dalam talian dan juga telah berjaya memuatnaik di Sistem BKM semua dokumen sokongan yang diperlukan. Adakah saya masih perlu kemukakan semula dokumen sokongan berkenaan ke cawangan LHDNM?

Tidak. Sekiranya dokumen sokongan yang diperlukan telah berjaya dimuatnaik di Portal Rasmi BKM semasa permohonan secara dalam talian, anda tidak perlu kemukakan semula dokumen berkenaan ke cawangan LHDNM.

12. Sijil perkahwinan saya telah hilang, apakah dokumen sokongan yang boleh digunakan untuk pengesahan status perkahwinan?

Dokumen sokongan yang boleh digunakan sebagai pembuktian status perkahwinan:

- i. Kad nikah; atau
- ii. Sijil Lahir Anak

13. Saya hanya mempunyai Kad Pengenalan Lama dan tidak memperbaharuihnya lagi. Adakah saya boleh membuat permohonan BKM 2022?

Anda perlu merujuk Jabatan Pendaftaran Negara untuk mendapatkan MyKad kerana Permohonan BKM 2022 mewajibkan penggunaan MyKad sahaja. Permohonan BKM 2022 hanya boleh dilakukan setelah anda mempunyai MyKad.

14. Saya berstatus bujang tetapi mempunyai anak angkat. Adakah saya layak untuk memohon sebagai isi rumah?

Tidak. Sekiranya anda berstatus bujang dan tidak pernah berkahwin, anda tidak layak untuk memohon kategori isi rumah. Namun, permohonan kategori Bujang boleh dibuat sekiranya memenuhi syarat kelayakan.

15. Sekiranya saya tidak mengisi nombor akaun bank semasa Permohonan BKM 2022, bagaimanakah pembayaran akan dilakukan?

Anda digalakkan untuk mengisi nombor akaun bank bagi pembayaran BKM 2022, agar proses pembayaran dapat diterima dengan mudah dan cepat. Sekiranya anda tidak melaporkan maklumat akaun bank, pembayaran adalah secara tunai di Kaunter Bank Simpanan Nasional (BSN) dengan membawa MyKad.

16. Apakah jenis akaun bank yang perlu saya daftarkan ketika permohonan BKM 2022?

Anda perlu mendaftarkan akaun bank persendirian.

17. Saya berkahwin di luar negara dan mempunyai sijil perkahwinan yang sah dari negara tersebut, adakah saya layak memohon BKM 2022 kategori isi rumah dan apakah dokumen yang diperlukan?

Tidak. Anda tidak layak memohon di bawah kategori isi rumah kecuali anda telah mendaftar perkahwinan dengan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) atau Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN).

Namun sekiranya anda mempunyai anak, anda layak memohon BKM 2022 dengan mengemukakan Sijil Lahir Anak yang berdaftar di JPN sebagai bukti perkahwinan.

18. Anak saya berumur 20 tahun dan dikategorikan sebagai OKU kerana mengalami kemalangan pada tahun ini. Bolehkah saya kemas kini maklumat anak saya dalam permohonan BKM 2022?

Anak berkenaan tidak layak untuk didaftarkan sebagai anak di bawah permohonan BKM 2022 anda. Walau bagaimanapun, anak berkenaan boleh memohon BKM 2022 bagi kategori Bujang sekiranya berstatus OKU dan berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

- 19. Saya berstatus ibu tunggal yang berumur 40 tahun dan mempunyai seorang anak (OKU) berumur 19 tahun. Adakah saya boleh memohon BKM 2022 dengan meletakkan anak saya di Permohonan BKM 2022 saya?**

Tidak. Anda boleh memohon BKM 2022 di bawah kategori Bujang sebagai Ibu Bapa Tunggal tiada anak. Ini kerana anak berkenaan tidak layak didaftarkan sebagai anak di bawah permohonan BKM 2022 anda kerana anak berkenaan boleh memohon BKM 2022 bagi kategori Bujang sekiranya berstatus OKU dan berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

- 20. Saya berstatus Ibu Tunggal yang berumur 50 tahun dan mempunyai seorang anak (OKU) berumur 21 tahun yang masih belajar sepenuh masa. Adakah saya boleh memohon BKM 2022 dengan meletakkan anak saya dalam maklumat Permohonan BKM 2022 saya?**

Anak berkenaan boleh didaftarkan di Permohonan BKM 2022 anda sekiranya menepati syarat kelayakan Anak.

Sekiranya anak berkenaan tidak menepati syarat kelayakan, anda boleh memohon BPR 2021 di bawah kategori Bujang sebagai Ibu Bapa Tunggal tiada anak.

- 21. Saya berstatus Ibu Tunggal yang berumur 40 tahun dan mempunyai seorang anak berumur 21 tahun yang masih belajar sepenuh masa. Adakah saya boleh memohon BKM 2022 dengan meletakkan anak saya dalam maklumat Permohonan BKM 2022 saya?**

Anak berkenaan boleh didaftarkan di Permohonan BKM 2022 anda sekiranya menepati syarat kelayakan Anak.

Sekiranya anak berkenaan tidak menepati syarat kelayakan, anda boleh memohon BPR 2021 di bawah kategori Bujang sebagai Ibu Bapa Tunggal tiada anak.

- 22. Saya bukan warganegara Malaysia. Adakah saya layak memohon BKM 2022?**

Tidak. Bantuan ini adalah untuk warganegara Malaysia yang menetap di Malaysia sahaja.

- 23. Saya merupakan warganegara Malaysia tetapi menetap di Singapura. Adakah saya layak memohon BKM 2022?**

Tidak. Bantuan ini adalah untuk Warganegara Malaysia yang menetap di Malaysia sahaja.

B. KEMAS KINI PERMOHONAN

- 24. Saya adalah penerima BPR 2021 dan BKC sebelum ini. Adakah saya perlu membuat kemas kini permohonan BKM 2022 sekiranya tiada sebarang perubahan maklumat?**

Sekiranya semakan permohonan di portal BKM 2022 anda wujud dan tiada sebarang perubahan maklumat, anda tidak perlu membuat kemas kini maklumat BKM 2022. Walau bagaimanapun sekiranya semakan permohonan di Portal Rasmi BKM 2022 tidak wujud, anda perlu membuat permohonan baharu.

25. Sekiranya saya tidak mengemaskini permohonan BKM 2022 sepanjang tempoh permohonan dibuka, adakah saya layak BKM 2022?

Sekiranya anda tidak hadir untuk kemas kini, permohonan di portal BKM 2022 anda akan diproses berdasarkan maklumat sedia ada iaitu berdasarkan data BPR 2021 atau BKC dan kelayakan BKM 2022 adalah berdasarkan keputusan proses semakan maklumat berkenaan.

26. Saya telah diluluskan BPR 2021 dengan status Ibu Bapa Tunggal dan mempunyai seorang anak. Adakah saya perlu untuk kemas kini maklumat anak berkenaan dan kemukakan dokumen sokongan?

Sekiranya permohonan di portal BKM 2022 anda wujud dan tiada perubahan maklumat anak yang didaftarkan semasa BPR 2021, anda tidak perlu kemas kini permohonan. Ini kerana pemrosesan bagi penentuan kelayakan anak akan dibuat melalui sistem.

Walau bagaimanapun, sekiranya anda mempunyai tambahan anak yang lain, kemaskini dan serahan dokumen sokongan anak yang baharu perlu dibuat.

27. Semasa permohonan BPR 2021 sebelum ini, saya telah kemukakan semua dokumen sokongan yang diperlukan. Adakah saya perlu kemukakan semula semasa permohonan BKM 2022?

Sekiranya permohonan di portal BKM 2022 anda wujud dan tiada perubahan maklumat, dokumen sokongan tidak perlu dikemukakan semasa BKM 2022.

28. Saya berumur 65 tahun dan berstatus kahwin. Adakah saya perlu kemukakan sijil nikah bagi pengesahan status perkahwinan?

Bagi Pemohon BKM 2022 yang berumur 60 tahun dan ke atas (Warga Emas), sebarang dokumen sokongan tidak perlu dikemukakan semasa permohonan BKM 2022.

29. Suami saya adalah penerima BPR 2021. Bolehkah saya menukar permohonan suami saya kepada permohonan saya?

Sekiranya Permohonan di portal BKM 2022 wujud atas nama suami anda, permohonan atas nama suami perlu dibatalkan terlebih dahulu dengan mengisi borang pembatalan (BK-05) dan dikemukakan ke cawangan LHDNM sebelum permohonan baharu BKM 2022 dibuat atas nama anda.

30. Suami saya adalah penerima BPR 2021 dan telah meninggal dunia sebelum 01 Januari 2022. Adakah saya boleh membuat Permohonan Baharu BKM 2022?

Ya. Anda boleh membuat Permohonan Baharu BKM 2022 dengan status perkahwinan yang terkini.

31. Suami saya adalah penerima BPR 2021 dan telah meninggal dunia sebelum 01 Januari 2022. Saya berstatus bukan warganegara Malaysia, adakah saya boleh membuat kemaskini permohonan BKM 2022 atas nama suami saya?

Tidak. Pemohon yang meninggal dunia sebelum 01 Januari 2022 tidak layak untuk membuat permohonan BKM 2022. Oleh itu, kemaskini ke atas permohonan suami tidak dibenarkan.

C. LAIN-LAIN

32. Bagaimanakah cara untuk saya menyemak status permohonan BKM 2022?

Semakan Status permohonan BKM 2022 boleh dibuat seperti berikut:

- i. Portal Rasmi BKM LHDNM, <https://bkm.hasil.gov.my>; atau
- ii. Semakan secara Aplikasi Mobile BKM; atau
Muat turun di *Play Store* bagi platform Android dan di *Apps Store* bagi platform iOS
- iii. Hubungi Hotline BKM LHDNM: 1-800-88-2747
(Waktu Operasi: 9.00 pagi - 5.00 petang);atau
- iv. Hotline MoF: 03-8882 4565 / 4566
(Waktu Operasi: 9.00 pagi - 5.00 petang);atau
- v. Hadir sendiri ke Cawangan LHDNM / PS LHDNM / PKH LHDNM / UTC LHDNM.

33. Bagaimanakah cara untuk saya mendapatkan maklumat terkini, membuat pertanyaan atau aduan berkaitan BKM 2022?

Anda boleh mendapatkan maklumat terkini, membuat pertanyaan atau aduan melalui saluran berikut:

- i. Portal Rasmi BKM LHDNM, <https://bkm.hasil.gov.my>; atau
- ii. Aplikasi Mobile BKM; atau
- iii. Hubungi Hotline BKM LHDNM: 1-800-88-2747
(Waktu Operasi: 9.00 pagi - 5.00 petang);atau
- iv. Hotline MoF: 03-8882 4565 / 4566
(Waktu Operasi: 9.00 pagi - 5.00 petang);atau
- v. Hadir sendiri ke Cawangan LHDNM / PS LHDNM / PKH LHDNM / UTC LHDNM.

34. Jika seseorang memberi maklumat palsu, apakah tindakan yang akan dikenakan?

Seseorang boleh disabitkan kesalahan di bawah seksyen 193 Kanun Keseksaan (Akta 574) dan boleh dikenakan hukuman penjara sehingga tiga (3) tahun dan denda serta disenarai hitam oleh Kementerian Kewangan Malaysia dari menerima BKM.

35. Maklumat saya telah digunakan oleh individu lain bagi tujuan permohonan BKM 2022. Apakah yang perlu saya lakukan?

Anda perlu membuat laporan polis dan kemukakan bersama salinan pengenalan (Pasangan / Anak), sijil perkahwinan / Sijil Kematian / Sijil Perceraian (jika berkaitan) ke Cawangan LHDNM untuk tindakan selanjutnya.